



TOKIO MARINE
INSURANCE GROUP

Lembaran Fakta

Polisi Insurans Liabiliti Produk

Perlindungan

Polisi ini melindungi anda terhadap apa-apa liabiliti undang-undang, yang anda mempunyai obligasi undang-undang untuk membayar sebagai gantirugi sebab “kecederaan peribadi” atau “kerosakan harta” termasuk dalam “Bencana Produk” yang kepadanya insurans ini dikenakan.

“Bencana Produk” termasuk semua “kecederaan peribadi” dan “kerosakan harta” yang berlaku jauh daripada premis yang anda miliki atau sewa dan timbul daripada “produk anda” kecuali produk yang masih dalam posesi fizikal anda.

Kami mempunyai hak dan tugas untuk membela anda terhadap mana-mana “guaman” yang menuntut gantirugi tersebut. Walau bagaimanapun kami tidak mempunyai tugas untuk membela anda terhadap mana-mana “guaman” yang menuntut gantirugi untuk “kecederaan peribadi” atau “kerosakan harta” yang kepadanya insurans ini tidak dikenakan. Kami boleh menurut budibicara kami sendiri menyiasat mana-mana “kejadian” dan menyelesaikan mana-mana tuntutan atau “guaman” yang mungkin terhasil. Tetapi:

- (1) Amaun yang kami akan bayar untuk gantirugi adalah terhad seperti yang dinyatakan dalam Perisytiharan; dan
- (2) Hak dan tugas kami untuk membela berakhir apabila kami telah menggunakan had insurans yang dikenakan dalam pembayaran penghakiman atau penyelesaian di bawah polisi ini; dan
- (3) Obligasi kami untuk membayar gantirugi bagi pihak anda hanya dikenakan kepada amaun gantirugi dalam lebihan mana-mana amaun yang boleh dipotong yang dinyatakan dalam Perisytiharan.

Insurans ini dikenakan kepada “kecederaan diri” dan “kerosakan harta” hanya jika:

- (1) “kecederaan tubuh” dan “kerosakan harta” disebabkan oleh suatu “kejadian” yang terjadi di “wilayah yang dilindungi”; dan
- (2) “kecederaan tubuh” dan “kerosakan harta” tidak berlaku sebelum Tarikh Retroaktif yang ditunjukkan dalam Perisytiharan atau selepas akhir tempoh polisi; dan
- (3) Suatu tuntutan untuk gantirugi disebabkan oleh “kecederaan tubuh” dan “kerosakan harta” pertama kali dibuat terhadap anda semasa tempoh polisi;
- (4) Suatu tuntutan atau guaman dibawa dalam bidangkuasa yang dibentuk.

Pengecualian Utama

Insurans ini tidak dikenakan:-

- Produk pesawat udara
- Asbestos
- Liabiliti kontraktual
- Kerosakan kepada Harta yang rosak atau Harta Yang Tidak Cedera Secara Fizikal
- Kerosakan kepada Harta
- Kerosakan kepada Produk Anda
- Liabiliti Majikan
- Kecederaan yang dijangka atau yang diniatkan
- Denda, Penalti, Gantirugi Menghukum & Teladan
- Kuasa Nuklear
- Kecederaan Peribadi
- Pencemaran
- Liabiliti professional
- Menarik balik Produk atau Harta Yang Rosak
- Perang
- Jaminan/Waranti Produk

Had Insurans

1. Had Insurans yang ditunjukkan dalam Perisytiharan dan peraturan di bawah menetapkan yang paling tinggi kami akan bayar tidak kira bilangan
 - a. Pihak Yang Diinsuranskan yang dinamakan
 - b. Tuntutan yang dibuat atau “guaman” yang dibawa
 - c. Orang atau organisasi membuat tuntutan atau membawa “guaman”.
2. Had Agregat Produk adalah yang paling tinggi kami bayar untuk gantirugi sebab “kecederaan peribadi” dan “kerosakan harta” yang timbul daripada “Bencana Produk”

3. Tertakluk kepada 2 di atas, Setiap Had Kejadian adalah yang paling tinggi kami akan bayar untuk jumlah kerosakan disebabkan semua “kecederaan peribadi” dan “kerosakan harta” yang timbul daripada mana-mana satu “kejadian” dalam Bencana Produk.

Had Insurans Polisi ini dikenakan secara berasingan kepada setiap tempoh tahunan berturut-turut dan kepada tempoh baki kurang daripada 12 bulan, bermula dengan permulaan tempoh polisi yang ditunjukkan dalam Perisytiharan, melainkan tempoh polisi dilanjutkan selepas pengeluaran untuk tempoh tambahan kurang daripada 12 bulan. Dalam kes tersebut, tempoh tambahan tersebut akan dianggap sebahagian daripada tempoh sebelumnya bagi maksud menentukan Had Insurans.

Bayaran Premium

- Premium mesti dibayar kepada perantara insurans anda atau secara terus kepada pihak kami dalam 60 hari dari permulaan Polisi ini.
- Bayaran boleh dibuat sama ada dengan tunai, kad kredit atau cek (cek hendaklah dibayar atas nama syarikat kami).
- Tegas untuk meminta resit bagi premium yang dibayar.
- Hubungi pihak kami jika polisi anda tidak diterima selepas satu bulan dari tarikh pembelian.

Kewajipan pendedahan

Anda dikehendaki mendedahkan semua fakta material yang anda tahu atau harus tahu; jika tidak, polisi ini akan dianggap tidak sah.

Deduktibel / Potongan

1. Obligasi kami untuk membayar gantirugi bagi pihak anda hanya dikenakan kepada amaun gantirugi dalam lebihan mana-mana amaun yang boleh dipotong yang dinyatakan dalam Perisytiharan.
2. Amaun yang boleh dipotong yang dinyatakan dalam Perisytiharan dikenakan atas asas “bagi setiap kejadian” kepada semua gantirugi disebabkan
 - a. :kecederaan peribadi”
 - b. “kerosakan harta”
 - c. “kecederaan peribadi” dan “kerosakan harta” digabungkan;sebagai akibat daripada mana-mana satu “kejadian”, tidak kira bilangan orang atau organisasi yang mengalami gantirugi sebab “kejadian” itu.
3. Istilah insurans ini, termasuk berkenaan dengan:
 - (a) Hak dan tugas kami untuk membela mana-mana “guaman” yang menuntut gantirugi tersebut; dan
 - (b) Tugas anda jika berlaku suatu “kejadian”, tuntutan, atau “guaman” dikenakan tidak kira pemakaian amaun yang dikenakan.
4. Kami boleh membayar mana-mana bahagian atau semua amaun yang boleh dipotong untuk menguatkuasakan penyelesaian kepada mana-mana tuntutan atau “guaman” dan, atas pemberitahuan tentang tindakan yang diambil, anda hendaklah dengan segera mengganti bayaran kami untuk mana-mana amaun yang boleh dipotong yang telah dibayar oleh kami.

Perisytiharan

Dengan menerima polisi ini, anda bersetuju bahawa pernyataan dalam perisytiharan adalah perjanjian dan representasi anda, bahawa polisi ini dikeluarkan berdasarkan kebenaran representasi sedemikian dan polisi ini merangkumi semua perjanjian yang wujud antara diri anda dengan Syarikat atau mana-mana ejen anda berkenaan dengan insurans ini.

APAKAH YANG HARUS ANDA LAKUKAN Jika Berlakunya Kerugian/Kerosakan

Pemberitahuan tuntutan

- Anda harus memberitahu pihak kami secara bertulis mengenai semua butiran tentang kejadian/kemalangan secepat mungkin dalam lingkungan masa yang ditetapkan dalam polisi anda. Anda dikehendaki membuat pemberitahuan seawal mungkin bagi mengelakkan sebarang prasangka terhadap tuntutan anda. Jika berlakunya kematian atau kemalangan yang melibatkan kenderaan bermotor, anda dikehendaki membuat laporan polis dengan serta-merta.

Pengemukakan tuntutan

- Anda harus mengemukakan tuntutan anda dengan melampirkan semua informasi dan dokumen sokongan seperti yang diminta oleh pihak kami dengan secepat mungkin. Jika ajuster/penyiasat dilantik oleh pihak kami, maka anda dikehendaki memberi kerjasama sepenuhnya kepada mereka dalam proses penilaian kami terhadap tuntutan anda.

Kewajiban untuk mendedahkan informasi tuntutan

- Anda dikehendaki memberi jawapan secara jujur dalam Borang Tuntutan kerana sebarang pernyataan salah atau penyembunyian boleh memudaratkan tuntutan anda.

BAGAIMANA MENGEMUKAKAN Aduan Dan Jalan Penyelesaian Yang Ada



Tulis kepada :

1. Pusat Hubungan Bersepadu Bank Negara Malaysia melalui bnmtelelink@bnm.gov.my, atau
2. pengantara insurans Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Sebagai alternatif, anda boleh melawat terus ke kaunter BNMLINK untuk menfailkan aduan anda (sila rujuk kepada www.bnm.gov.my/bnmlink/index.htm) atau anda boleh membawa kes anda ke mahkamah.

Untuk maklumat lanjut mengenai Tokio Marine dan produk dan perkhidmatan kami, sila layari laman web kami www.tokiomarine.com.my.

Tokio Marine Insurans (Malaysia) Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.